

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Sesuai buka sempadan apabila ada ubat antiviral

Putrajaya: Waktu terbaik untuk membuka semula sempadan tanpa keperluan kuarantin wajib sebaik pengembara tiba adalah apabila negara sudah memperoleh ubat antiviral bagi merawat jangkitan COVID-19.

Pakar Kesihatan Pekerjaan dan Kesihatan Am, Dr Hanafiah Bashirun, berkata biarpun kebanyakan populasi dewasa negara kini sudah mendapat vaksin, dari segi keselamatan kesihatan adalah penting untuk proses kuarantin dikekalkan dalam usaha menyekat penularan pelbagai varian baharu yang berbahaya.

Beliau berkata, buat masa ini, tidak ada bukti yang menyatakan bahawa vaksin kuat untuk menangani mana-mana varian kerana masih ada jangkitan memabitkan varian baharu COVID-19.

"Jika betul kita mahu menuju ke arah endemik, ia adalah cara terbaik, namun sekarang bukan masa yang tepat untuk keputusan itu diambil. Saya berpendapat, untuk sempadan negara dibuka tanpa sekatan dan tanpa perlu proses kuarantin, kita tunggu dahulu hingga ubat antiviral sudah diagihkan ke negara kita dan sedia ada untuk merawat mana-mana individu yang dijangkiti.

"Masa terbaik adalah apabila ubat antiviral sudah ada dan digunakan serta terbukti berkesan selain selamat untuk pesakit melawan COVID-19," katanya kepada *BH*.

Dr Hanafiah berkata, seperti kebenaran kecemasan diberikan kepada vaksin sebelum ini, ubat antiviral untuk COVID-19 juga memerlukan kebenaran sama.

Selapas mendapat kebenaran kecemasan itu, pihak berkuasa kesihatan akan melihat keberkesanannya termasuk komplikasi penggunaan ubat berkenaan bagi memastikan ia selamat untuk rawatan pesakit COVID-19.

Setakat ini, Pentadbiran Makanan dan Ubat-Obatan (FDA) Amerika Syarikat (AS) sudah meluluskan penggunaan secara kecemasan kepada ubat antiviral keluaran Pfizer (Paxlovid - nirmatrelevir yang bersekali dengan ritonavir) serta ubat keluaran Merk, molnupiravir, untuk rawatan COVID-19.

Namun demikian Dr Hanafiah berkata, beliau memahami tindakan yang mahu diambil kerajaan dalam isu berkenaan, namun ia perlu mengambil kira risiko yang perlu ditanggung.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Muhyiddin disah positif COVID-19

Kuala Lumpur: Pengerusi Majlis Pemulihan Negara Tan Sri Muhyiddin Yassin, disahkan positif COVID-19, semalam.

Dalam catatan di laman Facebook beliau, bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau disahkan positif selepas melakukan ujian Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR).

"Alhamdulillah, saya hanya mengalami gejala ringan dan dalam keadaan baik.

"Mengikut protokol Kementerian Kesihatan (KKM), saya akan menjalani kuarantin sendiri di rumah.

"Mohon doakan kesihatan saya dan keluarga," katanya.

Muhyiddin turut meminta mereka yang berkemungkinan menjadi kontak rapatnya untuk mematuhi SOP yang ditetapkan KKM.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mendoakan Muhyiddin dan keluarga diberikan kesembuhan serta dilindungi Allah SWT.

"Didoakan agar Allah SWT memberi kesembuhan dan melindungi Tan Sri (Muhyiddin) sekeluarga," katanya di Twitter.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak

Ibu bapa kian yakin daftar vaksin anak

Pendaftaran suntikan kanak-kanak meningkat 30,000 orang

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzid@bh.com.my

Putrajaya: Ramai ibu bapa kini semakin yakin untuk mendaftarkan anak mereka bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Berdasarkan data, jumlah pendaftaran suntikan kanak-kanak berusia lima tahun hingga 11 tahun meningkat sebanyak 30,000 orang, kelmarin.

Menteri Kesihatan, Khairy

Jamaluddin, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus berkongsi mengenai manfaat pelalian itu terhadap kanak-kanak, termasuk melalui Facebook, bagi memastikan kanak-kanak mendapatkan pelalian itu.

Sebelum ini, kebanyakan ibu bapa dikatakan mengambil pendekatan tunggu dan lihat kerana bimbang mengenai kesan sampingan susulan imunisasi.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga) Kementerian Kesihatan (KKM), Dr Saidatul Norbaya Buang, kelmarin melaporkan tiada sebarang kesan sampingan dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak yang menerima vaksin COVID-19 selepas Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) dilaksanakan sejak 3 Februari lalu.

Berdasarkan laman sesawang



Kanak-kanak menerima suntikan vaksin menerusi PICKids di Pusat Pemberian Vaksin Melaka Megamall, semalam. (Foto Syafeeq Ahmad/BH)

COVIDNOW setakat kelmarin, sebanyak 50,062 dos pertama vaksin sudah diberikan kepada kumpulan kanak-kanak terbabit.

Jumlah itu membabitkan 1.4 peratus populasi kanak-kanak dalam kumpulan usia berkenaan.

Ia merangkumi 4.2 peratus populasi kanak-kanak lima tahun hingga 11 tahun di Lembah Klang, Sarawak (2.4 peratus), Sabah (0.7 peratus), Negeri Sembilan (0.4 peratus), Labuan (0.2 peratus) dan Kedah (0.1 peratus).

Selain itu, setakat tengah malam kelmarin, sejumlah 64,264,073 dos vaksin sudah diberikan kepada populasi dewasa di negara ini, termasuk 12,616,238 dos penggalak.

Ia membabitkan 22,931,979 individu atau 98 peratus daripada

populasi dewasa, yang lengkap menerima dua dos vaksin, manakala 23,207,389 individu atau 99.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Selain itu, sejumlah 2,792,830 atau 88.7 peratus daripada populasi remaja berusia 12 tahun hingga 17 tahun sudah melengkapkan vaksinasi, manakala 2,870,546 individu atau 91.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi vaksinasi harian, sebanyak 152,358 dos diberikan kelmarin, meliputi 10,471 dos pertama, 1,506 dos kedua dan 140,381 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin diberikan di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sebanyak 64,264,073 dos.

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes baharu terus melonjak 17,134

Purata kadar kebolehjangkitan seluruh negara kini 1.39

Oleh Rafidah Mat Ruzki
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kes positif COVID-19 di negara ini terus melonjak, dengan 17,134 kes dilaporkan setakat tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menyumbang kepada sejumlah 2,956,332 kes positif wabak berkenaan sejak Januari 2020.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 86 kes atau 0.5 peratus adalah kategori 3, 4, dan 5, manakala 17,048 kes atau 99.5 peratus terdiri daripada kategori 1 dan 2.

"Kategori 2 terus merekodkan jumlah kes yang tinggi dengan 12,326 kes atau 71.94 peratus daripada keseluruhan kes yang dilaporkan

"Sebanyak 4,722 kes atau 27.56 peratus lagi pesakit dalam kategori 1, manakala kategori 3 merekodkan sebanyak 58 kes atau 0.34 peratus; kategori 4 (24 kes atau 0.14 peratus) dan kategori 5 mencatatkan empat kes atau 0.02 peratus," katanya.

Dr Noor Hisham juga berkata, purata kadar kebolehjangkitan COVID-19 (Ro/Rt) untuk seluruh negara kini adalah 1.39.

Ro/Rt merujuk kepada kebolehjangkitan sesuatu virus dalam masyarakat.

Jika nilai kebolehjangkitan adalah 1.39, ini bermakna bahawa setiap kes positif jangkitan virus boleh menyebarkan penyakit itu kepada 1.39 orang yang lain.

Menurunkan nilai Rt kepada kurang daripada 1 secara berterusan, akan membantu mengakhiri sesuatu wabak.

Dr Noor Hisham berkata, Sarawak mencatatkan nilai Rt tertinggi, iaitu 1.68, diikuti Perlis (1.65), Sabah (1.59), Labuan (1.51) dan Terengganu (1.40).

Sementara itu, menurut portal Github Kementerian Kesihatan, 13 kematian akibat COVID-19 dilaporkan kelmarin, dengan tiga di Selangor; dua kes direkodkan masing-masing di Kelantan, Perak dan Sabah, manakala satu masing-masing di Kedah, Pulau Pinang, Terengganu dan Kuala Lumpur.

Buka sempadan pulih pelancongan perubatan

Kuala Lumpur: Pembukaan semula sepenuhnya sempadan negara akan membolehkan pelancong perubatan kembali ke Malaysia bagi menjalani rawatan di hospital selepas ia terhenti sejak awal 2020.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr Kuljit Singh, berkata langkah itu juga bakal membantu memulihkan sektor pelancongan perubatan yang menjana RM1.7 bilion kepada negara pada 2019.

Beliau memaklumkan, APMH mempunyai keahlian 151 hospital di seluruh negara dengan majoritinya merawat pelancong perubatan, terutama dari negara jiran.

"Bagaimanapun, hospital swasta akan mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) berhubung ujian saringan sebelum menerima pelancong perubatan untuk men-

jalani rawatan.

"Kami akan menerima pelancong perubatan yang sudah lengkap vaksinasi dengan dos pengalag (sebaik-baiknya supaya kurang risiko untuk mereka mengalami sakit teruk jika berlaku jangkitan COVID-19 ketika men-

jalani rawatan, dan seterusnya melindungi penyedia penjagaan kesihatan tempatan kita," katanya dalam kenyataan, semalam.

Media kelmarin melaporkan Majlis Pemulihan Negara (MPN) bersetuju dengan cadangan supaya Malaysia membuka semula sepenuhnya sempadan negara tanpa keperluan kuarantin wajib, seawal 1 Mac depan.

Pengerusi MPN, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dipetik berkata bagaimanapun pembukaan sempadan kepada semua negara itu perlu dilaksanakan secara terancang dan berdasarkan penilaian risiko semasa.



Dr Kuljit Singh

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 51
RUANGAN : NASIONAL

Aiman rasa lebih selamat

**Pelakon cilik
drama I-Tanggung
ajak teman sebaya
ambil vaksin
COVID-19 sebagai
perlindungan diri**

Oleh Fatin Farhana Ariffin
fatin.farhana@bh.com.my

Pelakon cilik berusia sembilan tahun, Muhammad Aiman Badrul Hisham berkongsi rasa teruja selepas mendapatkan dos pertama vaksin COVID-19 menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) yang mula dilaksanakan, sejak 3 Februari lalu.

Pelakon drama bersiri *I-Tanggung* ini memberitahu, selepas menerima suntikan vaksin COVID-19, Sabtu lalu, dia rasa lebih selamat kerana kerap terbabit dalam aktiviti penggambaran.

"Saya teruja apabila diberitahu akan menerima vaksin COVID-19. Saya seronok untuk pergi ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Paradigm Mall, Kelana

Jaya, Sabtu lalu.

"Tiada rasa takut hendak berdepan jarum. Malah, saya rasa bersemangat selepas mengambil vaksin.

"Saya juga rasa lebih selamat untuk keluar berjalan-jalan. Jadi, kawan-kawan, bolehlah ambil vaksin kerana perkara ini baik untuk kesihatan kita.

"Pengambilan vaksin boleh membantu kita melawan penularan COVID-19 dan melindungi diri kita semua," katanya kepada *HIP*.

Aiman dijangka mengambil suntikan dos kedua Pfizer, April depan.

Dalam perkembangan lain, Aiman akan menjayakan drama terbitan TV3, *Adik Kakak* yang menggandingkan dirinya bersama pelakon, Fauziah Ahmad Daud mulai 16 Februari depan.

Aiman mahu menggunakan peluang itu sebaik-baiknya bagi mendalami ilmu lakonan.

"Saya teruja dapat berlakon dengan Fauziah. Namun, pada masa sama, saya takut sebab beliau primadona. Tetapi, tidak mengapa, saya ambil peluang ini untuk belajar ilmu lakonan daripadanya," katanya.

Sementara itu, bapa Aiman, Badrul Hisham Abdul Rahim, 51, mengakui Aiman yang juga



Aiman selepas mendapatkan suntikan pertama vaksin COVID-19 di ibu negara, baru-baru ini.

anak bongsu daripada empat beradik, teruja mengambil vaksin selepas melihat abang-abangnya berbuat demikian.

"Aiman memang teruja dari awal lagi sebab dia tengok abang-abangnya sudah ambil vaksin. Aiman sering bertanya bila giliran dia. Jadi, apabila saya beritahu gilirannya tiba, dia seronok dan tidak takut.

"Saya memang menggalakkan Aiman mengambil vaksin sebab dia selalu pergi sesi uji bakat dan 'shooting'. Jadi, pendedahan terhadap virus COVID-19 tinggi.

"Selain itu, dia banyak berjumpa orang ramai. Aiman juga bersekolah. Jadi, saya fikir lebih selamat jika dia mengambil vaksin," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : LOKAL

IGAUAN HIDUNG SENGET

300 doktor saja ada tauliah KKM

Bilangan pakar bidang estetik bertauliah terhad ekoran prosedur rawatan kecantikan berisiko tinggi

Oleh Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Hanya kira-kira 300 doktor dalam bidang estetik atau rawatan kecantikan yang mempunyai pentauliah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Perkara itu didedahkan Presiden Persatuan Perubatan Estetik Malaysia, Dr Chin Shih Choon yang berkata, bilangan pakar bertauliah di negara ini terlalu kecil kerana ujian dijalankan amat ketat berikutan prosedur rawatan berisiko tinggi.

Menurutnya, setiap doktor perubatan estetik perlu mempunyai sijil pentauliah Letter of Credentialing and Privileging (LCP) daripada KKM sebelum boleh menawarkan perkhidmatan rawatan kecantikan.

"Doktor perubatan estetik mesti bekerja di hospital swasta sekurang-kurangnya dua tahun, memenuhi keperluan latihan dan lulus pemeriksaan pelesenan.

"Selain itu, mereka perlu menghadapi temu duga oleh pakar pembedahan plastik, pakar kulit, pakar estetik dan pegawai KKM.

"Pengamal perubatan terbahit mesti mengikuti langkah disenaraikan untuk menjadi doktor perubatan estetik diperakui," katanya ketika



LAPORAN Harian Metro, semalam.



“Doktor bidang estetik mesti bekerja di hospital swasta sekurang-kurangnya dua tahun”
Dr Chin

dihubungi Harian Metro. Ditanya mengenai pusat estetik di dalam negeri yang mendakwa diri pakar estetik dari luar negara, Dr Chin tidak menafikan ada doktor mempunyai sijil pentauliah dari negara masing-masing.



Sijil LCP yang dikeluarkan KKM.

Namun, beliau berkata, mereka tidak dibenar mengamalkan perubatan di negara ini jika tiada LCP dan Sijil Pengamalan Sementara (TCP) dikeluarkan KKM seperti disyaratkan.

Harian Metro difahamkan, kebanyakan pusat kecantikan di negara ini tidak dikendalikan oleh pakar estetik yang berkecuali dengan majoritinya didakwa cenderung bermotifkan keuntungan.

Selain memperdaya pe-

anggan dengan iklan kecantikan yang kononnya dikendalikan pakar, bahan digunakan dalam rawatan juga diragui.

Mengulas prosedur tepat sebelum pelanggan menjalani rawatan kecantikan, Dr Chin berkata, mereka perlu bertemu pakar perunding terlebih dahulu bagi mendapatkan sejarah perubatan atau penyakit dihidapi.

Tambah beliau, pakar perubatan akan menilai rawatan sesuai, selain pembeda-

han mesti mendapat kelulusan pakar bius.

"Tanpa pengetahuan perubatan, seseorang yang tidak berpengalaman atau terlatih akan menyebabkan kecederaan. Jika masalah timbul semasa rawatan, pakar perubatan boleh menangani masalah sebakinya.

"Ia tidak sesuai dilakukan di pusat kecantikan biasa atau hotel kerana berisiko apabila berlaku masalah seperti alahan ubat, pendarahan berlebihan dan sebagainya," katanya.

Justeru, katanya, rawatan dan pembedahan perlu dibuat di hospital atau klinik estetik berdaftar yang mempunyai peralatan lengkap termasuk ubat kecemasan.

Beliau menasihati orang ramai yang mahu mendapatkan rawatan kecantikan supaya menyemak status klinik di laman sesawang KKM dan bertanya sendiri pakar estetik ditemui sama ada mereka ada sijil pentauliah atau sebaliknya.

Tambahnya, lebih baik mendapatkan kepastian terlebih dahulu sebelum melakukan rawatan kerana ia bukan saja mengundangi risiko tetapi mengancam nyawa.

Semalam Harian Metro melalui laporan khas secara eksklusif melaporkan ada lebih 20 pusat kecantikan atau medspa di Lembah Klang dan beberapa negeri di Utara serta Selatan tanah air di dalam pakej bedah warga asing menjalankan prosedur pembedahan dengan harga bajet.

Putrajaya: "Semua pihak tidak boleh memandang ringan kepada perjuangan mereka selepas mengharungi perjalanan lebih 500 kilometer untuk datang berjumpa saya dan menyerahkan memorandum ini," ujar Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau mengulas usaha wakil Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan Di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia (KPS-PSHKSM) yang berusaha menemui baginya menyebarkan tuntutan kesatuan itu di sini, semalam.

KPSPSHKSM SERAH MEMORANDUM KEPADA KKM

KJ: Tuntutan diteliti secara komprehensif

"Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meneliti secara komprehensif memorandum tuntutan itu.

"KKM akan mengadakan perjumpaan dengan syarikat konsesi bagi memahami dengan lebih mendalam berkenaan isu dibangkitkan. Ia akan dilakukan bagi memastikan kebajikan pekerja terbahit terjaga berikutan golongan ini antara petugas barisan hadapan

yang banyak membantu mengurus pandemik Covid-19," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan wakil KPS-PSHKSM di lobi KKM di sini, semalam.

Sebelum itu, Khairy bertemu beberapa wakil kesatuan diketuai Pengerusinya, Roziah Mohd Hashim sebelum keluar dari ba-



“KKM akan mengadakan perjumpaan dengan syarikat konsesi”
Khairy

ngunan KKM setengah jam kemudian.

Memorandum yang diserahkan menyatakan tiga tuntutan iaitu mengemukakan sistem kontrak dan serap semula pekerja sokongan hospital sebagai kakitangan kerajaan, menghentikan pemerasan kesatuan dan pembayaran elan Covid-19 kepada semua pekerja sokongan di

Hospital Kerajaan.

Khairy berkata, beliau sempat mengadakan perbincangan dan mendengar pandangan daripada wakil kesatuan.

Katanya, walaupun mereka pekerja bawah syarikat konsesi yang menerima tugas KKM, kebajikan mereka di bawah tanggungjawab kementerian.

Sementara itu Roziah berkata, pihaknya merakamkan jutaan terima kasih kepada Khairy kerana sudi menerima kunjungan dan meneliti memorandum yang diserahkan mereka.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : COVID-19

Oleh Noor Hidayah
 Tanzizi
 am@hmetro.com.my

Teluk Intan

"Mulanya gementar sedikit tapi rasa itu hilang sebab angah dan ahik ada sekali ketika cucuk vaksin dan sakit pun sekejap saja lepas tu dah tak rasa dah," kata Mohamad Irfan Hakimie Zainal Abidin.

Mohamad Irfan Hakimie, 10, menerima suntikan vaksin Covid-19 bersama dua adiknya, Mohamad Ikhwani Nadrin, 8, dan Mohamad Izz Zafri, 6, di Pusat Pemberian Vaksin Khas (SPPV) Hospital Teluk Intan (HTI), di sini, semalam.

Mereka antara 30 kanak-kanak di daerah ini menjadi kumpulan pertama menerima suntikan vaksin itu sempena Majlis Pelancaran Program Imunisasi Covid-19 Kanak-kanak (PICKids) HTI.

Program untuk kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun itu bermula hari ini dan SSPV HTI dibuka setiap Rabu dan Khamis kecuali cuti umum dari jam 8.30 pagi

'Rasa sakit cucuk pun sekejap je...'

Mohamad Irfan kongsi pengalaman terima suntikan vaksin di HTI

hingga 12 tengah hari dan 2.30 petang hingga 3.30 petang.

Mohamad Irfan Hakimie berkata, dia mengetahui keperluan suntikan vaksin daripada ibunya yang juga jurawat di hospital berkenaan, Fathiyah Nordin, 36, dan mahu mengambilnya sebagai perlindungan diri.

"Saya takut dengan virus ini. Ibu selalu cerita kita kena selalu pakai pelitup muka dan vaksin untuk bantu mencegah (penularan) virus ini."

"Along rasa baik saja sebab dapat cucuk vaksin bersama angah dan ahik. Rasa sakit pun sikit saja selepas itu tak rasa dah," katanya ketika ditemui.

Ibu mereka, Fathiyah berkata, anaknya pernah bertanya mengenai vaksin un-



MOHAMAD Irfan Hakimie (kiri) dan dua adiknya bergambar bersama maskot Mickey Mouse selepas menerima vaksin di SSPV HTI semalam. - Gambar NSTP/SHARUL HAFIZ ZAM

tuk kanak-kanak selepas dia dan suami, Zainal Abidin Dzuhi, 40, yang juga anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) melengkapkan vaksinasi mereka.

"Kerja saya berisiko dan sebelum ini saya pernah bertugas di wad Covid-19 selama empat bulan. Saya memang mengutamakan prosedur operasi standard

(SOP) termasuk akan membersihkan diri sebaik pulang kerja dan selalu buat ujian sendiri.

"Saya juga selalu beritahu semua anak mengenai ba-

haya virus ini dan apa yang perlu kita buat jadi mereka memahaminya dan mereka sendiri mahu mengambil vaksin.

"Ini ikhtiar kami dan ber-rasa lega apabila anak sudah mengambil suntikan vaksin Covid-19 sebagai usaha melindungi diri daripada virus itu," katanya.

Sementara itu, Dr Eileen Toh Su Sian, 36, berkata, dua anak perempuannya, Rachel Tang, 9, dan Eva Tang, 8, juga mahu mengambil vaksin itu sebagai perlindungan diri dan mengetahui ia sebagai usaha mencegah jangkitan virus.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah HTI Dr Noor Azira Haron berkata, SSPV berkenaan boleh menerima kehadiran 200 individu sehari dengan keutamaan kepada kanak-kanak mempunyai masalah kesihatan.

Katanya, pemberian vaksin bertujuan melindungi golongan berkenaan daripada mortaliti dan morbiditi akibat jangkitan Covid-19 serta membolehkan kanak-kanak menjalankan aktiviti harian dengan lebih selamat terutama aktiviti di luar rumah dan tempat belajar.

Kuala Lumpur: Susulan peningkatan mendadak kes Covid-19 di Korea Selatan, pelajar Malaysia yang menuntut di universiti negara itu sentiasa mengambil langkah keselamatan daripada dijangkiti termasuk tidak keluar rumah dan memakai dua pelitup muka.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan Kejuruteraan Universiti Korea, Irdina Azzahra Jaswan, 21, berlaku peningkatan mendadak kes Covid-19 di Korea Selatan yang dilaporkan mencecah 39,000 kelmarin.

Bagaimanapun Irdina Azzahra berkata, keadaan pandemik itu dalam keadaan terkawal dan sistem kesihatan dengan baik, malah semua pelajar juga dilindungi dengan insurans.

"Hampir semua pelajar Malaysia di sini sudah mengambil dos penggalak, jadi tidak takut sangat jika berlaku apa-apa," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, pemantauan tahap kesihatan penuntut Malaysia di Korea Selatan juga kerap dibuat petugas kesihatan negara ber-



LEDAKAN KES KOREA SELATAN

Pelajar Malaysia elak aktiviti di luar kediaman

kenaan.

"Setakat ini tiada yang positif Covid-19 atau mempunyai gejala seperti demam. Keluarga di Malaysia tidak perlu bimbang kerana kami sentiasa mematuhi arahan dan mengambil langkah perlu mengelak dijangkiti wabak itu," katanya.

Sementara itu, penuntut Ijazah Sarjana Muda Sains

Komputer dan Kejuruteraan Universiti Konkuk, Seoul, Ahmad Firdaus Abdul Razak, 21, berkata, susulan peningkatan kes Covid-19 di negara itu dia memilih untuk tidak pergi ke tempat tumpuan ramai.

"Walaupun banyak tempat menarik yang boleh di lawati di Seoul tetapi saya pilih duduk di kediaman pe-

lajar saja.

"Keluar pun untuk hal penting saja seperti beli makanan dan pastikan tidak sentuh muka jika berada di luar," katanya.

Kelmarin Korea Selatan dilaporkan mencatatkan 38,691 kes jangkitan baharu harian susulan penularan varian Omicron akibat musim cuti.

Status bazar Ramadan diumumkan hujung bulan

Ipoh: Sebarang keputusan berhubung pengajuran bazar Ramadan di bandar raya ini, dijangka diketahui hujung bulan ini, kata Datuk Bandar Ipoh Datuk Rumaizi Baharin.

Rumaizi berkata, permohonan diterima oleh Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) daripada peniaga berhubung sewaan lokasi tapak bazar Ramadan tahun ini sangat

menggalakkan biarpun tidak mendedahkan secara terperinci angka penerimaan itu.

Beliau berkata, bagaimanapun penularan varian Omicron wabak Covid-19 pada masa ini menyebabkan sebarang keputusan berhubung dengannya bergantung kepada hasil mesyuarat yang akan berlangsung dalam masa terdekat.

Sarawak bincang SOP baharu kekang wabak

Kuching: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak dijangka mengadakan mesyuarat khas hari ini bagi memutuskan prosedur operasi standard (SOP) baharu bagi mengekang penularan Covid-19.

Ia susulan keputusan Mesyuarat Ke-12 Menteri Kuar-tet Covid-19, kelmarin yang menetapkan SOP pemerik-

saan suhu badan dan buku rekod mendaftar masuk di premis akan dimansuhkan bermula Jumaat ini.

Sumber berkata, Pengurus JPBN Datuk Amar Douglas Uggah Embas perlu mendapatkan pandangan beberapa pihak, antaranya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung pelaksanaan langkah itu di Sarawak.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : COVID-19

Muhyiddin positif Covid-19, gejala ringan

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin positif Covid-19 selepas membuat ujian Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR).

Muhyiddin dalam laman Facebook rasminya berkata, beliau hanya mengalami gejala ringan dan kini berada dalam keadaan baik.

"Mengikut protokol Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), saya akan menjalani kuarantin sendiri di rumah.

"Kepada sesiapa yang berkecenderungan men-

jadi kontak rapat saya, saya nasihatkan supaya mematuhi protokol yang ditetapkan oleh KKM," katanya.

Beliau turut memohon kepada orang ramai supaya dapat mendoakan kesihatan dirinya dan keluarganya.

Sementara itu, warganet mendoakan Muhyiddin segera diberi kesembuhan dan kesihatan yang baik.

"Semoga Abah cepat sembuh dan kuat melawan wabak ini," catat pengguna Facebook yang menggunakan nama Nurul Asyiqin.

Nasihatkan kontak rapat patuhi protokol ditetapkan KKM

WAKSINASI KANAK-KANAK Jumlah mendaftar meningkat 30,000

Putrajaya: Pendaftaran untuk kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun mendapatkan vaksinasi terhadap Covid-19, meningkat sebanyak 30,000 kelmarin.

Justeru, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, dalam satu perkongsian di media sosial semalam berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus berkongsi manfaat pelancongan terhadap kanak-kanak termasuk melalui Facebook.

"Pendaftaran meningkat 30k (30,000) semalam (kelmarin)," katanya.

Sementara itu, laman sesawang Covidnow menunjukkan setakat kelmarin, 50,062 dos pertama diberi kepada kumpulan kanak-kanak berkenaan.

Jumlah itu membabitkan 1.4 peratus daripada populasi kanak-kanak dalam kumpulan usia berkenaan yang sudah divaksinasi bagi melawan Covid-19.

Setakat kelmarin, 4.2 peratus kanak-kanak berusia lima dan 11 di Lembah Klang menerima dos pertama disusuli Sarawak pada kadar 2.4 peratus, Sabah 0.7 peratus, Negeri Sembilan (0.4 peratus), Labuan (0.2 peratus) dan Kedah (0.1 peratus).

Kadar kebolehhajjatan naik pada 1.39 kelmarin

Putrajaya: Malaysia mencatatkan kadar kebolehhajjatan Covid-19 (Ro/Rt) pada paras 1.39 kelmarin sekaligus meningkat berbanding 1.32 Isnin lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dalam perkongsian melalui media sosial, berkata, Sarawak menunjukkan peningkatan apabila ia merekodkan Rt pada kadar 1.68 kelmarin berbanding 1.48 pada 7 Februari.

Ia disusuli Perlis pada kadar 1.65, Sabah (1.59), Labuan (1.51), Terengganu (1.40), Kedah (1.36), Putrajaya (1.35), Pulau Pinang (1.34), Pahang (1.28), Johor (1.26), Selangor (1.25), masing-masing 1.24 di

Kelantan dan Perak, Melaka (1.20), Kuala Lumpur (1.18); dan Negeri Sembilan pada kadar 1.14.

Sementara itu, Dr Noor Hisham menyarankan orang awam segera menjalani ujian Covid-19 sendiri dengan segera jika mendapati bergejala.

"Jika anda kontak rapat, tunggu lima hari untuk jalankan ujian sendiri.

"Jika anda ingin berhimpun jalankan ujian sendiri sebelum berhimpun," katanya.

Kelmarin, Malaysia mencatatkan bilangan kes lima angka untuk tiga hari berturut-turut apabila sebanyak 13,944 kes dilaporkan.

Kuala Lumpur

Pembukaan semula sepenuhnya sempadan negara akan membolehkan pelancong perubatan kembali ke Malaysia untuk menjalani rawatan di hospital yang terhenti sejak awal 2020.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) Datuk Dr Kuljit Singh berkata, pihaknya mengalu-alukan saranan Majlis Pemulihan Negara (MPN) supaya sempadan negara dibuka sepenuhnya mulai 1 Mac tanpa keperluan kuarantin.

Katanya, langkah itu juga akan membantu memulihkan sektor pelancongan perubatan yang menjana sebanyak RM1.7 bilion kepada negara pada 2019.

Katanya, persatuan itu mempunyai 151 hospital sebagai ahli di seluruh negara dan majoriti daripada hospital berkenaan merawat pelancong perubatan, terutama dari negara jiran.

"Bagaimanapun, hospital swasta akan mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan mengenai saringan pelancong perubatan sebelum menerima pelancong perubatan sebagai pesakit.

"Kami hanya menerima pelancong perubatan yang divaksin sepenuhnya dengan dos penggalak (sebaik-baiknya) supaya kurang risiko bagi mereka mengalami sakit teruk sekiranya terdapat jangkitan Covid-19 semasa menjalani rawatan dan seterusnya melindungi penyedia penjagaan kesihatan tempatan kita," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kelmarin, Pengerusi MPN Tan Sri Muhyiddin Yassin



LANGKAH pembukaan sempadan boleh membantu memulihkan sektor pelancongan perubatan yang menjana RM1.7 bilion kepada negara pada 2019.

PEMBUKAAN PENUH SEMPADAN

Beri manfaat buat pelancong perubatan

mencadangkan kepada kerajaan supaya sempadan negara dibuka seawal 1 Mac ini, tanpa keperluan kuarantin wajib.

Dalam pada itu, Dr Kuljit berkata, hospital swasta di negara ini bersedia menerima pesakit dari hospital awam sekiranya berlaku lonjakan kes pesakit Omicron di

fasiliti kerajaan.

Beliau berkata, ketika kemuncak kes Covid-19 varian Delta tahun lalu, 113 hospital swasta menerima pesakit dari 49 hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kami yakin untuk meneruskan sokongan kepada kerajaan untuk meringankan

beban seperti yang disarankan Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin dalam ucapannya pada 7 Februari lalu. Hospital swasta dimasukkan dalam Pasukan Tugas Bertindak Pantas Covid-19 (RRTF) Kebangsaan untuk memudahkan proses ini," tambahnya.

Dr Kuljit juga menggesa

orang ramai agar segera mendapatkan dos penggalak mereka.

"Ia terbukti di seluruh dunia, vaksinasi lengkap dengan dos penggalak telah mengurangkan kesan lebih teruk wabak dan membantu

menggalakkan pemulihan ekonomi dengan pembukaan sempadan antarabangsa," tambahnya.

"Kami yakin untuk meneruskan sokongan kepada kerajaan untuk meringankan beban"
 Dr Kuljit



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL

53.9% populasi dewasa terima dos penggalak

Kuala Lumpur: Seramai 12,616,238 individu dewasa atau 53.9 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data di laman web Covidnow, sejumlah 22,931,979 individu atau 98 peratus daripada populasi sama melengkapkan dua dos vaksinasi manakala 23,207,389 individu atau 99.2 peratus menerima sekurang-kurangnya

satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sejumlah 2,792,830 atau 88.7 peratus daripada populasi kumpulan itu melengkapkan vaksinasi manakala 2,870,546 individu atau 91.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi vaksinasi harian, 152,358 dos diberikan kelmarin meliputi 10,471 dos pertama, 1,506 dos kedua dan 140,381 dos penggalak

menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) 64,264,073 dos.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi hantaran di Facebook semalam memaklumkan kadar kebole-hangkitan Covid-19 (Ro/Rt) pada jangkaan mengikut kes seharian semalam untuk seluruh negara adalah 1.39. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Ramai yang keluar pada cuti umum lalu mungkin antara penyebab Kelantan kembali mencatatkan empat angka positif Covid-19 kelmarin, dengan 1,105 kes direkodkan.

Pada masa sama, negeri ini turut merekodkan lima kluster baharu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Dr Zaini Hussin berkata, 1,093 kes membabitkan kategori 1 dan 2, 10 kes kategori 3 dan satu kes kategori 4.

Lima kluster pula membabitkan Kluster Jalan Pe-

Risiko kenduri, keluar 'makan angin'

Kelantan kembali catat bilangan empat angka kes positif Covid-19

rempuan Zainab II, Kluster Padang Tembak Kemumin, Kluster Jalan Nara Pasir Putih, Kluster Cabang Jeram Pasu dan Kluster Persiaran Padang Golf 2.

"Kluster Jalan Perempuan Zainab II membabitkan sebuah rumah kebajikan yang merekodkan tujuh

kes hasil daripada 12 saringan individu.

"Kluster Padang Tembak Kemumin pula merekodkan sembilan kes daripada 25 kontak rapat di sebuah institusi pengajian-tinggi awam (IPTA)," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, Kluster Jalan Nara Pasir Putih, Kluster Cabang Jeram Pasu dan Kluster Persiaran Padang Golf 2 masing-masing merekodkan 16 kes, 13

kes serta 12 kes membabitkan sekolah agama, sekolah menengah sains serta IPTA.

Dr Zaini berkata, pening-

katan kes ini mungkin disebabkan cuti umum minggu lalu yang menyebabkan ramai penduduk keluar untuk bercuti atau membawa anak ke tempat awam.

Beliau berkata, selain itu, penduduk yang pulang ke kampung untuk bercuti bersama keluarga dan kenduri juga menjadi faktor kes bertambah.

"Masyarakat dinasihat supaya terus patuh dan tidak lalai dengan saranan diberikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Jika semua memberi kerjasama dan menjaga diri, terutama ketika berada di tempat awam, kes Covid-19 di negeri ini akan kembali turun," katanya.



LIMA kluster dikesan di Kelantan dengan 1,105 kes direkodkan setakat kelmarin.

Lindung diri



KANAK-KANAK diberi belon dan gula-gula bagi keceriaan mereka mendapat vaksin dose pertama pada program Imunisasi COVID-19 Kanak - Kanak PICKIDS untuk kanak-kanak yang bermula umur lima hingga 11 tahun di Pusat Pemberian Vaksin Axiata Arena Bukit Jalil. - Gambar NSTP /SAIFULLIZAN TAMADI

Sibu: Sebuah Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) dibangunkan di kawasan Hospital Sibu bagi menangani kes berisiko tinggi di Bahagian Sibu susulan peningkatan mendadak kes Covid-19 di bahagian itu sejak beberapa hari lalu.

Menurut Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Sibu (SDDMC) dalam kenyataan semalam, PKRC berkapasiti 100 katil itu sedia untuk digunakan dalam masa terdekat.

"Bahagian Sibu melaporkan 35 kes Covid-19 semalam (kelmarin). Trend peningkatan ini berlaku semenjak sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina pada 1 Feb 2022," katanya.

Bagaimanapun, kadar penggunaan katil (BOR) di

PKRC kes berisiko tinggi dibangun di Hospital Sibu



hospital tersebut untuk kes Covid-19 masih di bawah 20 peratus dengan hanya dua kes yang memerlukan bantuan oksigen pada masa ini.

Menurut jawatankuasa itu yang bermesyuarat semalam, PKRC sedia ada di Bahagian Sibu masih kosong dan boleh memuatkan seramai 360 pesakit iaitu

200 pesakit di daerah Sibu, Kanowit (100) dan Selangau (60).

Sementara itu, kenyataan itu memaklumkan setakat semalam program vaksinasi dos penggalak Covid-19 untuk orang dewasa di Bahagian Sibu telah mencapai 187,158 dos iaitu 86.47 peratus daripada jumlah orang dewasa yang layak menerimanya.

"Semua golongan dewasa yang belum menerima dos penggalak digalakkan mengambil vaksinasi tersebut secepat mungkin di mana-mana klinik kesihatan di Bahagian Sibu dan juga di

beberapa klinik atau hospital swasta yang ditetapkan," kata jawatankuasa itu.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan untuk kanak-kanak berumur lima sehingga 11 tahun tsudahpun bermula di Bahagian Sibu dengan 920 dos telah diberikan iaitu 620 dos di daerah Sibu, Selangau (200) dan Kanowit (100).

Program itu dijangka melibatkan kira-kira 32,000 kanak-kanak di Bahagian Sibu dan akan dijalankan di sekolah rendah sehingga bulan Mac untuk dos pertama. - Bernama

KKM rekod 17,134 kes positif semalam

Kuala Lumpur: Menepati jangkaan, kes baharu Covid-19 terus meningkat apabila sebanyak 17,134 kes direkodkan semalam iaitu peningkatan 3,190 kes berbanding 13,944 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi perkongsian di laman Facebook beliau memaklumkan, jumlah kes baharu itu menjadikan kumulatif kes kini 2,956,332 kes.

Beliau berkata 99.5 per-

atus atau 17,048 daripada kes baharu semalam adalah Kategori Satu dan Dua, manakala 0.5 peratus atau 86 kes berada dalam Kategori Tiga, Empat dan Lima.

Menurutnya Kategori Satu mencatat sebanyak 4,722 kes atau 27.56 peratus; Kategori Dua (12,326 kes atau 71.94 peratus); Kategori Tiga (58 kes atau 0.34 peratus); Kategori Empat (24 kes atau 0.14 peratus) dan Kategori Lima (empat kes atau 0.02 peratus). - Bernama

Ismail Sabri doakan Muhyiddin sembuh

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mendoakan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang positif Covid-19, diberikan kesembuhan.

Menerusi catatan di akaun Twitter rasminya, Ismail Sabri turut mendoakan semoga Pengerusi Majlis Perumahan Negara itu dan keluarga dilindungi.

"Didoakan agar Allah SWT memberi kesembuhan dan melindungi Tan Sri (Muhyiddin) sekeluarga," katanya dalam catatannya sambil memuat naik semula status Muhyiddin.

Muhyiddin semalam mengesahkan dirinya posi-

tif Covid-19 selepas melakukan ujian Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR).

Menerusi catatan di media sosialnya, bekas perdana menteri itu memaklumkan beliau akan menjalani kuarantin sendiri di rumah, berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan (KKM).

"Alhamdulillah, saya hanya mengalami gejala ringan dan dalam keadaan baik," katanya sambil meminta mereka yang berkeungkinan menjadi kontak rapatnya, untuk mematuhi SOP yang ditetapkan KKM. - Bernama

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Hanya 86 pesakit dilaporkan berada dalam kategori 3, 4 dan 5

Jangkitan baharu catat 17,134 kes

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Masih tiada tanda-tanda penurunan, kes jangkitan Covid-19 terus mencatatkan peningkatan apabila melonjak sehingga 17,134 kes semalam, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 2,956,332 kes.

Menerusi maklumat yang dikongsikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, daripada jumlah tersebut, sebanyak 86 kes (0.5 peratus) kategori 3, 4 dan 5, manakala 17,048 kes (99.5 peratus) kategori 1 dan 2.

"Berdasarkan pecahan kategori pula, pesakit bagi kategori 1 mencatatkan sebanyak 4,722 kes (27.56 peratus), manakala untuk kategori 2 merekodkan 12,326 kes (71.94 peratus).

"Kategori 3 (jangkitan paru-paru) 58 kes atau 0.34 peratus, kategori 4 (jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen) 24 kes



PETUGAS kesihatan melakukan ujian saringan Covid-19 terhadap orang awam secara pandu lalu di Klinik Ajwa, Seksyen 7, Shah Alam semalam. – ZULFADHLI ZAKI

atau 0.14 peratus serta kategori 5 (kritikal, organ rosak dan memerlukan ventilator) dengan empat kes atau 0.02 peratus," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, maklumat COVIDNOW memaparkan, kadar penggunaan katil di Malaysia mencatatkan 70 peratus dengan Negeri Sembilan (80.7 peratus), Kedah (80.6), Melaka (80.4) dan Terengganu (80.2).

Seterusnya, Johor (79.4), Kelantan (77.4), Selangor (71.8), Pahang (70.7), Perak (69.9), Pulau Pinang (68.2), Sabah (68.1), Perlis (63.4), Sarawak (63.1), Putrajaya (50.8), Kuala Lumpur (45.1) dan Labuan (40.0).

Selain itu, 13 kematian Covid-19 dilaporkan, menjadikan jumlah kematian terkini mencatatkan 32,056 kes, manakala terdapat tiga kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID), dengan jumlah kes BID sebanyak 6,469 kes.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Kes naik, rakyat gesa kerajaan jangan buka sempadan negara

PETALING JAYA – Orang ramai menggesa kerajaan agar menangguhkan dahulu pembukaan sempadan negara berikutan jumlah jangkitan Covid-19 yang melonjak tinggi ketika ini.

Kelmarin, kes jangkitan Covid-19 mencatatkan 13,944 kes dan meningkat kepada 17,134 kes semalam sekali gus menimbulkan kebimbangan orang ramai.

Tinjauan Kosmo! di Facebook

Ketua-Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah mendapati, rata-rata pengumuman menggesa agar kerajaan tidak terburu-buru membuka sempadan negara dan kekalkan arahan keperluan untuk menjalankan kuarantin wajib bagi pengunjung dari luar negara.

"Harap kes hari ini membuka mata kerajaan untuk tidak tergesa-gesa buka sempadan negara.

Makin bertambah kes dengan varian yang kita tak tahu apa lagi bakal muncul," kata Hasya.

"Saya tak sokong sempadan negara dibuka untuk tujuan apa sekali pun. Biarlah tutup dahulu, nanti tak pasal-pasal sempadan negeri pula ditutup semula," kata Tengku.

"Harap petugas barisan hadapan kita terus teguh, walaupun terus dicaci maki netizen. Semo-

ga Allah terus merahmati dan melindungi kalian semua," kata Rosminah.

Sementara itu, ada juga pengguna media sosial yang meminta agar kerajaan melaksanakan penutupan sempadan daerah atau negeri segera agar kes jangkitan dapat dikurangkan sebelum umat Islam berpuasa.

"Lebih baik kerajaan larang dahulu rakyat untuk rentas ne-

geri dalam tempoh sebulan ini terutama negeri yang kes jangkitannya tinggi," kata Harraz.

"Berita tak baik kes naik, ketatkan SOP, bila SOP tak ketat ramai lupa Covid-19 ini masih ada," kata Caroline.

"Apa kata tutup sempadan negeri sekarang, sekurangnya dapat kurangkan kes sebelum puasa dan nak sambut Hari Raya," kata Rizal.

Jumlah kanak-kanak dapat dos pertama cecah 50,062

Pendaftaran PICKids bertambah 30,000

Oleh NOR AZIAH MAT NOH

PETALING JAYA – Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan jumlah pendaftaran Program Imunisasi Covid-19 Kanak-Kanak (PICKids) meningkat ketara sebanyak 30,000 kanak-kanak kelmarin.

Menerusi ciapan di laman Twitternya, Khairy Jamaluddin menjelaskan Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus berusaha untuk mendidik masyarakat akan kepentingan vaksinasi dalam kalangan kanak-kanak.

"Pendaftaran meningkat seramai 30,000 kanak-kanak pada semalam (kelmarin), KKM akan terus menjelaskan kepada orang awam kebaikan cucuk vaksin kepada anak-anak, meskipun mela-

lui media sosial sahaja," tulisnya.

Menerusi data di laman web COVIDNOW, jumlah keseluruhan golongan kanak-kanak berusia 5 hingga 12 tahun yang telah mendapatkan suntikan pertama vaksinasi mencecah 50,062 dos setakat pagi semalam.

"Jumlah kanak-kanak yang telah mendapatkan dos pertama vaksinasi pula mencapai 14 peratus sehingga semalam," katanya.

Terdahulu, pada Januari lalu, akhbar melaporkan Khairy Jamaluddin mengumumkan program vaksinasi kanak-kanak akan dijalankan bermula bulan ini bagi penerima berusia antara 5 hingga 12 tahun dan sistem tempahan janji temu dijalankan melalui MySejahtera.

Sementara itu, berdasarkan

COVIDNOW seramai 12,616,238 individu dewasa atau 53.9 peratus daripada populasi golongan itu telah menerima dos pengalag Covid-19 setakat kelmarin.

"Sejumlah 22,931,979 individu atau 98 peratus daripada populasi dewasa negara ini telah melengkapkan dua dos vaksinasi, manakala 23,207,389 individu atau 99.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

"Bagi populasi remaja berusia antara 12 hingga 17 tahun pula, sejumlah 2,792,830 atau 88.7 peratus daripada populasi kumpulan itu melengkapkan vaksinasi, manakala 2,870,546 individu atau 91.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin," katanya.



SEORANG pelanggan menulis maklumat diri di dalam buku rekod daftar masuk di sebuah premis di Kuala Lumpur semalam.

Sambut baik arahan mansuh SOP imbas suhu, check in buku

Oleh NUR HUDHA MUSA

PETALING JAYA – Pemilik premis menyambut baik arahan kerajaan berhubung pemansuhan prosedur operasi standard (SOP) pengambilan suhu badan dan rekod daftar masuk di kedai bermula esok.

Tinjauan Kosmo! di beberapa premis sekitar Kuala Lumpur mendapati, rata-rata pihak pengurusan menerima baik arahan kerajaan tersebut dan menyifatkan langkah itu memudahkan operasi mereka.

Seorang pemilik kedai runcit yang mahu dikenali sebagai Muhammad, 44, berkata, dia menyambut baik arahan kerajaan dan pemansuhan tersebut sedikit sebanyak memudahkan kerja pihaknya.

"Ini kerana, ada pelanggan degil yang mengimbas suhu sahaja tetapi tidak mendaftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera.

"Sekiranya pelanggan hanya perlu daftar di MySejahtera sahaja selepas ini, lebih mudah untuk kami pantau dan pelanggan juga sudah tentu tidak boleh mengelak," katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Sementara itu, seorang pengurus kedai gunting rambut, Lim Pei Xian, 32, berkata,

pihaknya menyambut baik arahan kerajaan itu, bagaimana pun tidak dapat menafikan kebimbangan mereka sekiranya ada pelanggan yang berdegil.

"Apa yang kami bimbang ialah pelanggan yang tidak sihat berdegil mahu juga masuk ke premis.

"Jadi, apa yang kami harap ialah orang ramai lebih bertanggungjawab. Kami pula akan amalkan SOP seperti biasa. Kakitangan premis ini juga semuanya sudah divaksin, jadi kami cuma harap langkah-langkah ini cukup untuk memastikan semua pihak sentiasa selamat," katanya.

Seorang juruwang sebuah kedai makan dikenali Ramesh, 41, berkata, pemansuhan itu agak mengelirukan kerana ada pelanggan yang tidak membawa telefon bimbit mereka semasa mengunjungi kedai itu.

"Jika pelanggan beri alasan tidak bawa telefon bimbit, jadi, bagaimana kita hendak mengesan kontak rapat sekiranya berlaku sesuatu," katanya.

Kelmarin, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengumumkan, SOP berkaitan pemeriksaan suhu badan dan buku rekod daftar masuk akan dimansuhkan bermula esok.



SEORANG kanak-kanak menangis ketika menerima suntikan vaksin di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur kelmarin. – FARIZ RUSADIO

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Muhyiddin positif Covid-19

Bekas PM itu alami gejala ringan, kini jalani kuarantin di rumah

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin didapati positif Covid-19.

Beliau mengesahkan perkara itu menerusi satu hantaran di Facebook pada Rabu.

"Saya telah didapati positif Covid-19 pagi ini (Rabu) setelah membuat ujian *Reaction Transcription Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)*."

"Alhamdulillah, saya hanya mengalami gejala ringan dan dalam keadaan baik," katanya.

Beliau kini menjalani kuarantin sendiri di rumah mengikut protokol Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kepada sesiapa yang berkemungkinan menjadi kontak rapat saya, saya nasihatkan supaya mematuhi protokol yang ditetapkan oleh KKM," katanya.

Muhyiddin turut memohon agar orang ramai mendoakan kesihatan beliau dan keluarga.

Pada Selasa, Muhyiddin mengengerusikan Mesyuarat Majlis Pemulihan Negara (MPN).

Antara yang hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Kesihatan,

Khairy Jamaluddin Abu Bakar; Menteri Pendidikan, Senator Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin; Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi),



MUHYIDDIN

Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Pembangunan dan Usahawan Koperasi, Tan Sri Noh Omar; Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud dan Ketua Pengawai Eksekutif Capital A Berhad, Tan Sri Tony

Fernandes.

Selain itu, ia turut dihadiri pemberita yang membuat liputan sidang akhbar.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mendoakan agar Muhyiddin diberikan kesembuhan daripada Covid-19.

Menerusi catatan di akaun Twitter rasminya, Ismail Sabri turut mendoakan semoga Pengerusi MPN itu dan keluarga dilindungi.

"Didoakan agar ALLAH SWT memberi kesembuhan dan melindungi Tan Sri (Muhyiddin) sekeluarga," katanya dalam catatannya sambil memuat naik semula status Muhyiddin.

Belum ada laporan AEFI PICKids - KKM

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menerima laporan kesan advers susulan imunisasi (AEFI) sejak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) dilaksanakan pada 3 Februari lalu.



DR NOOR AZMI

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, data yang dikeluarkan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRF) setakat Selasa masih sifar AEFI dengan 43,000 dos vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak.

"Seperti yang dilalui golongan dewasa sebelum ini, kesan sampingan yang mereka terima mungkin ringan sahaja. Ada sedikit bengkak pada tempat yang disuntik, demam dan sebagainya namun ia akan kembali pulih dalam tempoh dua hari sahaja."

"Kita juga sudah menasihatkan ibu bapa supaya memantau keadaan anak-anak dalam tempoh sekurang-kurangnya dua minggu pertama selepas disuntik. Mereka tidak digalakkan melakukan aktiviti lasak kerana bimbang mengalami alergi dan demam berpanjangan."

"Jika perkara ini berlaku, ibu

bapa perlu segera ke klinik atau hospital berdekatan bagi mendapatkan rawatan," katanya dalam sesi Wawancara Eksklusif bersama *Sinar Harian* pada Selasa.

Dalam usaha memperluaskan pemberian vaksin kepada kanak-kanak, Dr

Noor Azmi berkata, KKM akan membuka Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di semua sekolah di seluruh negara selewat-lewatnya 14 Februari ini.

Katanya, seramai 50 peratus kanak-kanak dijangka akan menerima suntikan dos pertama di sekolah terpilih pada penghujung bulan ini.

"Jadi, visi ini akan melibatkan agensi-agensi dan Kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan ProtectHealth Corporation Sdn Bhd, anak syarikat KKM yang mengendalikan doktor swasta untuk mengambil bahagian."

"Ibu bapa juga perlu memberi sokongan dan kerjasama untuk menujukkan anak-anak mendapatkan vaksin. Ini penting bagi menjayakan usaha pemberian suntikan vaksin Covid-19 kepada 80 peratus kanak-kanak di negara ini," katanya.

Kes baharu Covid-19 lepassi angka 17,000

KUALA LUMPUR - Sebanyak 17,134 kes baharu Covid-19 direkodkan pada Rabu iaitu peningkatan 3,190 kes daripada 13,944 kes sehari sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi perkongsian di laman Facebook memaklumkan, jumlah kes baharu itu menjadikan kumulatif kes kini 2,956,332 kes.

Beliau berkata, sebanyak 99.5 peratus atau 17,048 daripada kes baharu pada Rabu adalah kategori satu dan dua, manakala 0.5 peratus atau 86 kes berada dalam kategori tiga, empat dan lima.

